



**PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING**

Newspaper	Sinar Harian
Date	12 March 2016

Perbincangan awal dengan Tun Mahathir *Sinar Harian - 12/3/2016*

KUALA LUMPUR - Deklarasi Rakyat merupakan hasil perbincangan bersama Tun Dr Mahathir Mohamad dan rakan seperjuangan tanpa campurtangan pihak lain di peringkat awal, termasuk individu dari parti pembangkang.

Apabila diadakan Deklarasi Rakyat yang mendapat hebahan awam, ramai menyatakan sokongan termasuk pembangkang.

"Ini bermakna usaha kita mendapat sokongan termasuk kumpulan masyarakat sivil, badan bukan kerajaan dan pembangkang.

"Agak aneh dan luar biasa, inisiatif yang dibuat bersama pembangkang dan mereka sependapat dan bukan kami masuk ke sana, bu-

kan juga kerana terperangkap dengan DAP, atau bersama (Penasihat DAP) Lim Kit Siang atau pihak pembangkang.

"Mereka sebut Kit Siang sahaja tetapi tidak menyebut (Timbalan Presiden PKR) (Datuk Seri Mohamed) Azmin (Ali), (bekas Presiden MCA, Tun) Ling Liong Sik, tidak sebut rakan-rakan lain

berada di situ. Macam satu fobia yang agak luar biasa," katanya.

Tegasnya, Deklarasi Rakyat bukan soal Mahathir, Muhyiddin, Mukhriz, Shafie atau pihak lain.

"Datuk Seri Anwar Ibrahim yang kini di penjara menyatakan sokongan. Itu luar biasa, kerana kita mengetahui sejarah perhubungan Mahathir dan Anwar," katanya.